

# Pengukuran Prestasi Sumber Maklumat Elektronik: Pendekatan E-Metrics

Diselaraskan oleh Mazmin Mat Akhir mazmin@unimap.edu.my

## Bilangan Pertanyaan dalam Pangkalan Data Elektronik

**KONSEP** Merujuk kepada bilangan pertanyaan atau kata punca (**keywords**) pencarian yang dimasukkan oleh pengguna menggunakan pangkalan data elektronik (**e-resources**). Statistik ini penting untuk memberi gambaran mengenai tahap penggunaan sumber dan liputan bidang maklumat yang diperlukan oleh pengguna Perpustakaan.

**KAEDAH** Pada masa ini, kebanyakan pembekal perkhidmatan maklumat atas talian menyediakan laporan statistik pencarian (**searches**) secara berkala. Perpustakaan perlu mengumpul statistik penggunaan secara bulanan dan tahunan agar ia boleh dianalisa dari masa ke masa.

## Bilangan Permohonan Bahan dalam Pangkalan Data Elektronik


**KONSEP** Merujuk kepada bilangan kandungan bahan yang dipohon oleh pengguna melalui pangkalan data elektronik. Ini meliputi semua jenis bahan seperti artikel jurnal elektronik, bab dalam buku elektronik, kandungan bahan rujukan (**ensiklopedia, statistik, direktori**) dan bahan-bahan bukan teks. Ia merangkumi semua bentuk aktiviti merujuk, memuat turun, menghantar dokumen melalui e-mel dan cetakan kandungan bahan berkenaan.

**KAEDAH** Laporan penggunaan kebiasaannya dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan elektronik secara berkala. Perpustakaan hanya perlu mengumpul maklumat statistik bilangan permohonan bahan untuk setiap pangkalan data langganan. Statistik ini kemudian dimasukkan ke dalam jadual asas menggunakan **spreadsheet excel**. Jumlahkan

bilangan permohonan bahan untuk setiap pangkalan data secara bulanan dan tahunan. Statistik permohonan bahan mengikut pangkalan data juga amat penting untuk membantu Perpustakaan menganalisa pangkalan data yang paling popular dan relevan dengan keperluan maklumat pengguna.

- > Tempoh Langganan
- > Kos Langganan
- > Bilangan Judul Diliputi
- > Statistik Penggunaan

## Kos Jurnal Elektronik Teks Penuh



**KONSEP** Merujuk kepada perbelanjaan ke atas jurnal elektronik teks penuh yang ditawarkan kepada para pengguna Perpustakaan. Ini meliputi kos perolehan, yuran keahlian, kos perkhidmatan dan akses tahunan yang dibayar kepada pembekal perkhidmatan.

**KAEDAH** Statistik ini penting untuk mengenal pasti perbelanjaan Perpustakaan bagi memperolehi jurnal elektronik yang semakin berkembang berdasarkan aliran semasa. Ia juga menggambarkan tahap perbelanjaan Perpustakaan ke atas sumber elektronik berbanding sumber bercetak. Pengumpulan statistik dibuat secara tahunan dengan menyediakan jadual dan **spreadsheet** mengandungi maklumat berikut:


## Kos Sumber Rujukan Elektronik

**KONSEP** Merujuk kepada perbelanjaan untuk memperolehi bahan rujukan elektronik dan pangkalan data agregat seperti EBSCOHost, ABI/INFORM dan sebagainya.

**KAEDAH** Maklumat statistik ini penting untuk memberi gambaran mengenai peruntukan Perpustakaan ke atas sumber rujukan elektronik berbanding bahan bercetak. Kaedah pengumpulan statistik adalah sama dengan kos jurnal elektronik teks penuh. Walau bagaimanapun, jadual pengumpulan statistik perlu memasukkan maklumat jenis bahan untuk membezakan antara jadual pengumpulan statistik jurnal elektronik, buku elektronik dan sumber rujukan elektronik.

## Kos Buku Elektronik

**KONSEP** Merujuk kepada perbelanjaan ke atas perolehan bahan teks penuh buku atau bahan monograf. Ini meliputi kos perolehan, yuran keahlian, kos perkhidmatan dan akses tahunan.



**KAEDAH** Kaedah pengumpulan statistik adalah sama dengan aspek kos jurnal elektronik teks penuh dan sumber rujukan elektronik. Tujuan dan orientasi pengumpulan statistik juga setara iaitu untuk mengenal pasti jumlah perbelanjaan ke atas bahan monograf elektronik berbanding koleksi buku bercetak.

...bersambung di keluaran akan datang...